

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2014 (BERSAMBUNG)

23 PINJAMAN KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT KUMPULAN DAN BERKAITAN FELDA

	KUMPULAN		FELDA	
	2014	2013	2014	2013
	RM	RM	RM	RM
Felda Asset Holdings				
Company Sdn Bhd	-	-	-	594,727,125
Felda Global Ventures Holdings Berhad	2,188,828,571	2,688,114,286	2,188,828,570	2,688,114,286
Felda Herbal Corporation Sdn Bhd	-	-	4,350,000	4,350,000
Felda Wellness Corporation Sdn Bhd	-	-	155,292,158	22,000,000
Felda Investment Corporation Sdn Bhd	-	-	1,396,300,004	149,608,672
Global Settlers Sdn Bhd	-	-	28,824,241	30,824,241
FIC Grand Plaza Ltd	-	-	5,172,000	5,172,000
Felda Korea Malaysia Sdn Bhd	-	-	31,384,000	11,800,000
FIC Properties Sdn Bhd	-	-	2,000	-
Grand Borneo Hotel Sdn Bhd	-	-	41,767,609	43,767,609
FIC UK Properties Sdn. Bhd.	-	-	527,855,493	527,857,493
Felda Caviartive Sdn. Bhd.	-	-	16,767,400	-
Jumlah	2,188,828,571	2,688,114,286	4,396,543,475	4,078,221,426
Peruntukan penjejasan	-	-	(83,126,116)	(4,350,000)
	2,188,828,571	2,688,114,286	4,313,417,359	4,073,871,426
Penerimaan kurang dari setahun	(214,285,714)	(214,285,714)	(214,285,714)	(1,600,042,854)
Penerimaan lebih dari setahun	1,974,542,857	2,473,828,572	4,099,131,645	2,473,828,572

Pinjaman kepada FGVH merupakan pembiayaan berjaminan Kerajaan secara Islamik yang diberikan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kepada Felda. Bayaran kembali adalah secara ansuran 2 kali setahun berdasarkan kepada tarikh pengeluaran bagi setiap pinjaman, dengan tempoh bayaran kembali selama 10 tahun bermula antara 30 Jun 2014 dan 28 Oktober 2023. Kadar keuntungan adalah berdasarkan kepada kadar bon kerajaan ("MGS") dan margin tambahan sebanyak 0.75% (2013: MGS + 0.75%).

Pinjaman kepada Felda Herbal Corporation Sdn. Bhd. adalah pinjaman berfaedah dan tanpa faedah tanpa cagaran dengan tempoh bayaran kembali selama 3 hingga 5 tahun antara Disember 2006 sehingga Disember 2010 dengan ansuran antara 2 hingga 12 kali setahun. Keseluruhan baki pinjaman telah diperuntukkan untuk penjejasan.

Pinjaman kepada Felda Wellness Corporation Sdn. Bhd., Felda Investment Corporation Sdn. Bhd., Global Settlers Sdn. Bhd., FIC Grand Plaza Ltd., FIC UK Properties Sdn. Bhd., Felda Korea Malaysia Sdn. Bhd. dan Grand Borneo Hotel Sdn. Bhd. adalah diambil kira sebagai pendahuluan daripada Felda kepada syarikat-syarikat berkenaan pada tahun 2013.

Termasuk dalam pinjaman kepada FIC adalah Saham Keutamaan Boleh Ditukar dan Ditebus ("RCPS") berjumlah RM150,000,000. FIC telah menerbitkan 150,000,000 saham keutamaan boleh tukar dengan nilai tara RM0.01 setiap saham dan premium sebanyak RM0.99 sesaham pada 1 Oktober 2014. RCPS matang lima tahun dari tarikh terbitan pada nilai nominal RM150.0 juta atau boleh ditukar kepada saham FIC pada pilihan pemegang pada tarikh matang pada harga RM1.00 setiap satu. Felda layak mendapat dividen keutamaan terkumpul tetap pada kadar 6% setahun.